

UUMONLINE: Hubungan Malaysia dan Indonesia amat jelas kerana ia sebahagian daripada semangat komuniti Asean dan hubungan ini amat erat sekali atas dasar Asean itu sendiri, kata bekas Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Tan Sri Prof Drs Da'i Bachtiar.

Beliau berkata, Malaysia dan Indonesia sudah mempunyai bahasa yang sama dan kedua-dua negara mempunyai hubungan yang jauh berbeza dengan zaman sebelum merdeka.

"Bagaimanapun, hubungan ini mesti ditangani dengan baik dan ia mesti diteruskan oleh mahasiswa dengan kerjasama universiti di kedua-dua negara.

"Hubungan adik abang ini mesti diteruskan dengan baik dengan memberi fokus kepada pembangunan pendidikan tinggi kerana kedua-dua negara mempunyai kekuatan masing-masing," katanya ketika menyertai sesi Roundtable Discussion di sebuah hotel di Jakarta sempena Program High Impact Jakarta pada 23 Julai lalu.

Sesi itu turut disertai oleh Prof Dr Mochtar Mas'ood dari Fakulti Sosiologi dan Politik, Universitas Gadjah Mada dan Prof Dr Rosna Awang Hashim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Hal Ehwal Antarabangsa) Universiti Utara Malaysia membincangkan hubungan Malaysia dan Indonesia serta kerjasama pendidikan tinggi dua negara.

Sebelum perbincangan itu, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 14 universiti Indonesia diadakan yang turut disaksikan oleh Menteri Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Drs H Suharna Surapranata M T.

Antara 14 universiti itu ialah Universitas Indonesia, Universitas Diponegoro, Universitas Padjajaran, Universitas Udayana, Universitas 11 Maret, Universitas Hasanuddin Makasar, Universitas Negeri Jakarta dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Selebihnya adalah Universitas Paramadina, Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Sanggabuana, Universitas Ibn Kaldun, Universitas 17 Agustus dan Universitas Islam Riau.

Sementara, Prof Dr Mochtar Mas'ood dalam ucapannya juga menyentuh hubungan Malaysia dan Indonesia sebagai amat baik atas dasar semangat Asean.

Katanya, dalam konteks akademik, kerjasama yang ada antara universiti kedua-dua negara akan boleh melahirkan mahasiswa yang mempunyai kebiduan tinggi.

Beliau juga mencadangkan supaya kedua-dua universiti melakukan penelitian bersama untuk kepentingan mahasiswa kedua-dua negara di samping memberi tumpuan kepada pertukaran kakitangan terutama pensyarah.

"Untuk tujuan itu, kita mesti menggunakan rangkaian yang kuat dalam Asean bagi memartabatkan pendidikan tinggi dua negara," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Prof Dr Rosna Awang Hashim dari Universiti Utara Malaysia berkata, kerjasama ini akan meneroka bidang baru bagi kedua-dua negara termasuk pertukaran dan latihan industri.

"Selepas perbincangan ini, langkah seterusnya ialah pengisian kepada hubungan yang sedia ada serta meneroka bidang kajian baru kedua-dua negara," katanya.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my